



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

HIDUP BAHAGIA, NEGARA SEJAHTERA

Tarikh Dibaca:

**12 REJAB 1444H/
3 FEBRUARI 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HIDUP BAHAGIA, NEGARA SEJAHTERA

3 FEBRUARI 2023 / 12 REJAB 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا

فَأَخَذْنَا لَهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾ (سورة الأعراف 96)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Hidup Bahagia, Negara Sejahtera**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Kita telah pun hampir pertengahan Bulan Rejab dan lebih kurang 47 hari sahaja lagi akan tibanya Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita sangat mendambakan bahawa kehidupan kita ini kehidupan yang aman, tenang, selesa dan cukup segala keperluannya. Inilah antara ciri kebahagiaan yang menjadi perjuangan setiap insan. Dr. Aidh al-Qarni dalam bukunya, *La Tahzan* menjelaskan bahawa;

“Kebahagiaan itu bukan pada istana Abdul Malik bin Marwan, bukan pula pada pasukan Harun al-Rasyid, bukan pada rumah mewah al-Jassas, bukan pula pada harta simpanan Qarun. Kebahagiaan juga bukan pada kitab *al-Syifa'* karya Ibnu Sina, bukan pula pada *diwan* (himpunan syair-syair) al-Mutanabbi, dan bukan pula pada taman-taman Cordova atau kebun-kebun lainnya. Kebahagiaan itu menurut para sahabat ialah sesuatu yang tidak banyak menyibukkan, kehidupan yang sangat sederhana dan rendah daya belinya.

Kebahagiaan ada pada Ibn al-Musayyib dengan *ilahiyyat* (ketauhidan)nya, Imam al-Bukhari dengan kitab *Sahih*, Hasan al-Basri dengan sifat kejujurannya, Imam al-Syafi'e dengan kesimpulan hukumnya, Imam Malik dengan sikap muraqabah (berasa sentiasa dalam pengawasan Allah), Imam Ahmad dengan sikap wara'nya dan Thabit al-Bunaniy dengan ibadahnya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebahagian kita sering beranggapan bahawa bahagia itu dengan banyaknya harta kemewahan, besarnya rumah atau tempat tinggal, banyaknya ladang atau kebun, tebalnya duit yang dipegang, atau lain-lain kelimpahan sesuatu yang dimiliki berupa harta, kemudahan dan hal-hal yang disukai fitrah semulajadi manusia. Akan tetapi, hakikatnya semua itu menjadi sebab jiwa resah, tertekan dan hanya menambah beban dalam hidup seseorang manusia bukan sahaja ketika hidup di dunia bahkan juga ketika diminta pertanggungjawaban di hadapan Allah SWT kelak.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ وَرِزْقُ رَبِّكَ

خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ۝١٣١

Maksudnya: *“Dan janganlah engkau menunjukan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya; sedang limpah kurnia Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal”.* (Surah Taha ayat 131)

Kebahagiaan itu ialah keriangian hati kerana kebenaran yang dijalannya, kelapangan dada kerana prinsip yang diyakininya dan ketenangan hati kerana kebaikan yang dimilikinya. Bagi Muslim pula, puncak kebahagiaan itu ialah ketika dia mencapai puncak ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT sebagaimana diungkapkan oleh Imam al-Ghazali.

Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas pula menyebut kebahagiaan pada manusia ialah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan larangan-Nya. Kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia (*duniawiyah*) dan di akhirat (*ukhrawiyah*).

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Untuk mencapai kebahagiaan hidup, kita dituntut untuk menggembleng segala daya dan usaha serta pengabdian dan ketaatan yang tinggi kepada Allah SWT. Dalam konteks kemasyarakatan pula, pastinya usaha ini menuntut kepada semangat kebersamaan, kefahaman dan toleransi yang bersepadu antara semua pihak walaupun berlainan budaya, agama, latar belakang jawatan dan pendidikan, fikrah politik, dan sebagainya yang mendokong semangat muafakat dalam kepelbagaian.

Pembinaan masyarakat dan negara yang bahagia perlu dimulakan dengan perjuangan menegakkan iman, aqidah, dan tauhid serta membangun peradaban dan moral yang tinggi. Para pemimpin bertanggungjawab mentadbir urusan pemerintahan dengan petunjuk Islam, menunaikan amanah dengan sepatutnya, dan memimpin masyarakat majmuk di negara ini dengan adil dan saksama menurut acuan dan sempadan yang telah digariskan dalam Islam. Manakala rakyat pula perlu melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* serta bergerak bersama-sama memacu pertumbuhan negara dari sudut ekonominya, pendidikannya, kesihatan awam dan saling membantu antara satu sama lain.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

1 Februari ditetapkan sebagai Hari Wilayah Persekutuan yang memperingati hari pengisytiharan gabungan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Bertemakan “**Wilayah Persekutuan Untuk Semua**” dengan hasrat menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai aspirasi kepada semua dengan membawa imej komuniti bandar yang penuh nilai perpaduan, kesefahaman dan kekitaan. Wilayah Persekutuan juga menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan antara nadi penjana pertumbuhan ekonomi negara. Impaknya juga pasti akan turut tempias kepada negeri-negeri lain dalam negara ini khususnya dari aspek peningkatan pelabur asing, pembangunan mampan, dan juga sektor pelancongan. Pelbagai program telah disusun yang memberi fokus kepada program-program kesejahteraan dan kebajikan yang berterusan kepada golongan B40 dan miskin di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri. Namun impaknya tetap tinggi dan menyeluruh yang mampu menyentuh hati warga Wilayah Persekutuan khususnya dan seluruh negara amnya.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan beberapa intipati;

Pertama: Setiap manusia sangat mendambakan kebahagiaan hidup yang bermaksudkan dengan rasa aman, tenang dan kecukupan.

Kedua: Kebahagiaan itu ialah keriangian hati kerana kebenaran yang dijalaninya, kelapangan dada kerana prinsip yang diyakininya dan ketenangan hati kerana kebaikan yang dimilikinya. Bagi Muslim pula, puncak kebahagiaan itu ialah ketika dia mencapai puncak ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT sebagaimana diungkapkan oleh Imam al-Ghazali.

Ketiga: Pembinaan negara yang sejahtera dan bahagia memerlukan kepada penglibatan pemimpin dan rakyat seluruhnya berdasarkan bidang kuasa, peranan, serta kemahiran dan kepakaran masing-masing yang bertindak sebagai pelengkap antara satu sama lain.

Firman Allah SWT:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ١٠

Maksudnya: “Dan katakanlah: ‘Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang Mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan”. (Surah al-Taubah ayat 105)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk

menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.